



### Pelajar UPM Raih Anugerah Di FFVPM Ke-7



Muhammad Fadli Murtaaza (kiri) sewaktu memenangi Anugerah Filem/Video Ekspremental Terbaik FFVPM7.

**KANGAR, 17 Jan** – Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menjuarai Anugerah Filem/Video Eksperimental Terbaik pada Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) ke-7 yang berlangsung di Dewan 2020 di Kangar, Perlis.

Pelajar Bachelo Sains (Bioteknologi) dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM, Muhammad Fadli Murtaaza yang memenangi anugerah tersebut menerusi video bertajuk Adiwira berkata sebelum ini UPM tidak pernah menyertai kategori video eksperimental FFVPM.

“Penyertaan pertama kali dalam kategori ini merupakan karya saya yang kedua dalam pembikinan video berunsur eksperimental yang mengisahkan empat pemuda yang mendapat kuasa luar biasa daripada kesan meteor yang digunakan ke arah kebaikan untuk mempertahankan tanah air,” katanya.

Selain kategori tersebut, UPM mempertaruhkan penyertaan dalam kategori Filem/Video Pendek, Filem/Video Animasi dan Filem/Video Pesanan Khidmat Awam/Iklan.

Pegawai Penerbit Video, Makmal Penerbitan Video, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Mohd Rizal Helmi A Razak berkata pelajar harus mempunyai minat untuk menceburi bidang penerbitan video kerana UPM telah menyediakan banyak kemudahan.

“Selain kemudahan infrastruktur, UPM turut menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi bagi meningkatkan kemahiran dalam penerbitan video sebagai inisiatif untuk menggalakkan penyertaan pelajar dalam festival ini serta pertandingan-pertandingan penerbitan video yang lain untuk menaikkan nama universiti,” katanya.

**Berita asal oleh Pegawai Penerbit Video, Makmal Penerbitan Video, FBMK UPM, Mohd Rizal Helmi A. Razak dan disunting oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan.**